

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

**HGM 234 - Geografi Penduduk dan Sumber Manusia**

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNG LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja. Setiap soalan bernilai 25 markah.

1. Bincangkan faktor-faktor asas yang menyumbang kepada perkembangan bidang geografi penduduk sejak tahun 1950-an.
2. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, huraikan dan jelaskan secara terperinci tiga isu penting yang dikaitkan dengan pertambahan penduduk menua di negara-negara Asia Timur dan Asia Tenggara.
3. **SAMA ADA**
  - [a] Bincangkan bagaimana perubahan ekonomi, pendidikan, dan budaya mempengaruhi kesuburan di negara membangun.

**ATAU**

- [b] "Kejatuhan kesuburan di negara-negara Eropah bermula sejak pertengahan kurun ke-19 sehingga pertengahan tahun-tahun 1920-an adalah disebabkan oleh perubahan motivasi dan kemajuan sosio-ekonomi penduduk". Bincangkan pernyataan ini dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.
4. Bincangkan bagaimanakah penurunan kematian di negara-negara Eropah sejak kurun ke-18 boleh dianggap sebagai faktor yang bertanggungjawab terhadap ledakan penduduk di benua tersebut dalam kurun yang berikutnya.
5. Bincangkan masalah-masalah sosial dan ekonomi yang dikaitkan dengan peningkatan jumlah pekerja asing yang berhijrah ke negara-negara Asia sekarang ini.
6. "Matlamat untuk mengurangkan kesuburan di negara membangun boleh dicapai melalui pelaksanaan program perancangan keluarga yang komprehensif dan berkesan". Bincangkan sejauhmana pernyataan ini benar dengan mengemukakan contoh-contoh yang khusus.

.../2